

03/07/1999

Pemimpin Permatang Pauh terima penjelasan Mahathir

M Thillinadan; Ridzuan Yop

BAYAN LEPAS, Jumaat - Pemimpin Umno Pulau Pinang, khususnya dari bahagian Permatang Pauh kini faham keadaan sebenar yang membawa kepada pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka juga menerima penjelasan beliau ketika mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno Pulau Pinang dan Permatang Pauh semalam.

"Saya mengadakan perbincangan panjang lebar untuk menjelaskan keadaan politik semasa. Sekarang adalah menjadi tanggungjawab mereka turun ke padang untuk menerangkannya kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Intel, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob.

Perdana Menteri ditanya kenapa beliau tidak menyentuh mengenai isu pemecatan Anwar ketika berucap di Guar Perahu, Permatang Pauh, semalam.

Dr Mahathir menjelaskan, beliau tidak mahu membincangkan isu pemecatan Anwar secara terbuka kerana ia menjijikkan dan tidak sesuai dengan tempatnya.

Mengenai kemungkinan isu Anwar menjejas prestasi Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang dalam pilihan raya akan datang, beliau berkata Anwar kini tidak lagi mempunyai ramai penyokong.

"Mereka yang sokongnya dulu masih kekal dalam Umno berbanding pada 1987, apabila ramai pemimpin dan ahli parti keluar untuk menyertai Tengku Razaleigh Hamzah," katanya.

Beliau yakin BN menang semula di Pulau Pinang, termasuk di Permatang Pauh yang dikatakan akan ditandingi oleh Presiden KeAdilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Dr Mahathir juga berasa berpuas hati dengan sambutan yang diterimanya di Permatang Pauh semalam. Walaupun hujan lebat, rakyat membanjiri padang Sekolah Menengah Guar Perahu untuk mengalu-alukan kedatangannya.

Menjawab soalan wartawan Newsweek sama ada beliau sudah memulakan kempen pilihan raya, Perdana Menteri secara berseloroh berkata, jika pembangkang memulakan kempen mereka sejak dua tahun lalu, kenapa beliau tidak boleh berkempen sekurang-kurangnya setahun.

Mengenai cadangan Telekom Malaysia Bhd dan United Engineers (M) Bhd untuk membeli keseluruhan saham syarikat Malaysia yang sebelum ini diniagakan di Central Limit Order Book (Clob) Singapura, beliau berkata ia tidak menjadi masalah jika mereka membuat tawaran yang baik.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak mahu campur tangan kerana ia tiada kaitan di antara kerajaan kedua-dua negara.

"Jika mereka boleh selesaikan isu Clob, baguslah. Isu itu tidak ada kaitan antara kerajaan Malaysia dan Singapura, hanya pelabur Clob. Mereka berdagang dalam pasaran saham yang tidak diperakui oleh Malaysia, sekarang mereka sakit.

"Dulu mereka menyakitkan kita dengan menjatuhkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Mereka serahkan semua saham kepada syarikat nominee dan syarikat itu pula meminjam saham berkenaan kepada spekulator yang menjalankan jualan singkat untuk mengaut keuntungan. Kita tahu apa mereka buat, sekarang giliran mereka pula," katanya.

Ditanya mengapa Telekom Malaysia dan UEM menyertai sesuatu yang di luar perniagaan asas mereka, Perdana Menteri berkata: "Mengapa tidak".

Mengenai laporan sebuah akhbar berbahasa Cina hari ini kononnya Parlimen akan dibubarkan esok, Dr Mahathir berkata akhbar itu mungkin mempunyai keupayaan membaca mindanya.

"Saya percaya otak mereka sudah dimasukkan cip Intel yang boleh membaca minda saya," katanya berseloroh.

(END)